

# Sekatan ke atas Israel kekal

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan tidak pernah mengubah dasarnya melarang rakyat negara ini mengadakan sebarang hubungan diplomatik atau perdagangan dengan Israel, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Di waktu ini Kita belum membenarkan apa-apa perniagaan dan perhubungan dengan Israel," katanya kepada pemberita selepas bertemu dan makan tengah hari dengan anggota Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) di sini, hari ini.

Kumpulan itu sedang mengadakan Perundingan MIGHT 1994 selama dua hari bermula hari ini, di sini. Turut hadir, Pe-

nggerusi MIGHT, Tan Sri Basir Ismail.

Dr Mahathir diminta mengulas kemungkinan kerajaan membenarkan rakyat Malaysia mengadakan hubungan perniagaan dengan Israel, berikutan kekecohan kemasukan Pengerusi Kumpulan Melewar, Tunku Abdullah Tuanku Abdul Rahman, ke negara itu, bulan lalu.

Ditanya sama ada kunjungan Tunku Abdullah itu dibenarkan kerajaan, Dr Mahathir berkata: "Yang dia buat itu adalah salah, tetapi sebelum ini ada orang lain buat salah juga. Kita tidak ambil tindakan. Kalau hendak kenakan tindakan, ia harus diambil terhadap semua."

Mengenai kemungkinan

tindakan akan dikenakan ke atas Tunku Abdullah, Perdana Menteri berkata perkara itu perlu diteliti terlebih dahulu.

"Kita kena kaji dahulu. Tetapi setakat yang saya tahu dia cuma hendak mendapatkan maklumat. Kita pun belum buat keputusan lagi," katanya.

Tunku Abdullah dilaporkan memasuki Israel walaupun kerajaan tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan negara itu. Beliau yang juga adik Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar, dikatakan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Israel, Yitzhak Rabin dan Menteri Luarnya, Shimon Perez.

Semalam, Tunku Abdullah dilaporkan memin-

ta maaf kepada mana-mana pihak yang menyifatkan lawatannya ke Tel Aviv, Israel, sebagai perkara tidak baik.

Tunku Abdullah juga menjelaskan pertemuannya dengan Rabin dan Perez sukar ditolak kerana jemputan itu dibuat ketika beliau sudah berada di negara mereka.

Selain itu, Dr Mahathir menafikan wujud sebarang perpecahan di kalangan kepemimpinan Umno yang didakwa semakin meruncing di antara Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin (yang juga Bendahari Umno).

Menurutnya, isu itu tidak pernah timbul dan ti-

dak menjadi masalah kepada pentadbirannya.

"Jika benar ada perpecahan, sepatutnya hari ini saya gelabah, susah hati dan sebagainya....(nam-paknya) tak ada masalah," katanya.

Bagaimanapun, Presiden Umno itu tidak menafikan kemungkinan wujud percanggahan pendapat di antara kedua-dua pihak, yang mana disifatkannya sebagai lumrah dalam parti politik.

"Hendak harapkan semua orang bersetuju dengan semua perkara sepanjang masa, tidak pernah jadilah. Mana-mana kumpulan atau antara dua orang termasuk suami isteripun mesti ada perbezaan pendapat," katanya.